

# Guru lelaki mengaku tidak bersalah dakwaan kesalahan seksual terhadap dua pelajar lelaki

**KUCHING:** Seorang guru di sini memohon dibicarakan atas dakwaan melakukan kesalahan seksual terhadap dua pelajar lelaki berusia 13 tahun di pangsapuri miliknya.

Guru lelaki berusia 32 tahun itu mengaku tidak bersalah terhadap dua pertuduhan di bawah Seksyen

14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 14 dan dibaca bersama Seksyen 16 akta sama.

Seksyen 14(a) memperuntukkan hukuman maksimum penjara 20 tahun dan sebatan, manakala Seksyen 16 memperuntukkan huku-

man penjara sehingga lima tahun dan maksimum dua sebatan jika sabit kesalahan.

Menurut pertuduhan, dia didakwa menyentuh bahagian sulit mangsa dan memeluk mereka bagi tujuan seksual di sebuah unit pangsapuri di sini kira-kira jam 3 petang pada 25 April 2026.

Hakim Mahkamah Sesyen Iris Awen Jon menetapkan 18 Jun depan untuk pengurusan kes praperbicaraan dan membenarkan jaminan sebanyak RM10,000 (deposit) dengan dua penjamin tempatan.

Tertuduh juga dikehendaki menyerahkan pasportnya kepada pihak berkuasa dan melapor diri ke balai polis

pada hari bekerja pertama setiap bulan sehingga kes selesai.

Difahamkan, guru berkenaan telah digantung tugas daripada sekolah terbabit.

Pendakwaan kes dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Marvind Kaliyani, manakala tertuduh diwakili peguam Russel Lim.